

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RMT 554 Pengurusan Projek III

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (a) Proses rekabentuk telah dinyatakan sebagai berbentuk kitaran dan bukannya berurutan. Bincangkan isu pengurusan dan proses rekabentuk dari sudut pandangan Asimow dan Drucker, serta komen tentang nomenklatur (tatanama) proses projek yang relevan kepada Industri Binaan Malaysia.
- (b) Lampiran A ialah iklan untuk Pengurus Projek yang tersiar dalam sebuah akhbar terkemuka. Komen tentang kesesuaian dan keterterimaan senarai tanggungjawab kerja. Dengan menggunakan gambarajah, catatkan senarai aktiviti seseorang Pengurus Projek untuk penglibatan komprehensif dalam sesuatu pembangunan projek.
(25 markah)

2. (a) ".....istilah 'pembangunan harta' mempunyai konotasi yang emotif.....ia dipenuhi dengan ketidakpastiania melibatkan spekulasi....."

- Cadman dan Austin-Crowe dalam buku mereka 'Property Development'

Bincangkan pernyataan di atas dan huraikan bagaimana dan dengan cara manakah penglibatan seseorang Pengurus Projek boleh meningkatkan proses pembangunan di Malaysia.

- (b) Huraikan faktor yang memberi kesan terhadap kos pembangunan harta dan kaitkan dengan 'Persamaan Pemaju'.

(25 markah)

3. (a) Model Proses Pembinaan A.Walker dan ciri-ciri operasi Pembinaan Halpin dan Woodhead mengutarakan suatu dikotomi pendapat-pendapat yang menarik tentang binaan. Bincangkan dan komen tentang perkara-perkara utama yang terdapat di dalam artikal-artikal mereka.
- (b) Bincangkan pentingnya pengurusan berkaitan dengan sumber-sumber pengeluaran lain untuk sesuatu pembangunan komersil di suatu tapak utama di Kuala Lumpur.
- (25 markah)
4. (a) Bincangkan peranan dan tanggungjawab seseorang pengurus tapak yang berkebolehan. Komen tentang pendapat bahawa sesuatu pendekatan 'bersilabus' terhadap pengurusan tapak tidak akan berjaya.
- (b) "Pengurusan risiko bermakna meminimumkan, meliputi dan berkongsi risiko-risiko - bukan semata-mata melepaskannya kepada suatu pihak yang lain".
- Bincangkan.
- (25 markah)
5. (a) Bincangkan falsafah di sebalik konsep Pengurusan Kos Strategik dan jelaskan bagaimana sinergi pasukan rekabentuk yang positif dapat dihasilkan.
- (b) Pembabitan sesuatu Bengkel Pengurusan Nilai amat penting untuk kejayaan proses Pengurusan Kos Strategik.
- Bincangkan.
- (25 markah)
6. (a) Huraikan konsep "pemasaran".
- Banyak firma binaan menghadapi masalah imej awam (public image). Bincangkan.
- (b) Huraikan tentang rintangan-rintangan dalam komunikasi yang akan menjejaskan pengurusan yang efektif.
- (25 markah)

Project Manager

Our Client, a newly established subsidiary from Hong Kong has recently acquired a piece of prime land in Kuala Lumpur with the intention of constructing a top grade condominium cum hotel apartment. They now seek a suitable qualified person to fill the above position.

The successful candidate will report directly to the Managing Director and will be responsible for planning, managing and supervising the development of the hotel from its conceptual stage and ensuring that the development is commissioned smoothly and within the agreed time and budget. These include:

- Reviewing with architects and consultants for the optimal design of the building;
- Develop a budget and time frame for such development;

- Liaising with various government bodies for relevant submissions and approval;
- Ensuring overall project management including project formulation, formation work, appointment of consultants and contractors,
- Construction management and contract administration.

The ideal candidate, preferably above 30 years of age, should possess a degree in architecture or building studies and a professional member of a recognised bodies. He should have a minimum of 8 years experience in the property related field, of which at least 3 years must be in a project management capacity.

The desired candidate should be a self-starter with excellent

communication skills and ability to work independently. He must be a good coordinator with good knowledge of land and legal matters.

Resumes with daytime contact telephone number should be sent to:

The Director
Human Resources Consultancy
Division (MCS 1275)
Coopers & Lybrand Associates
P O Box 10184
50706 Kuala Lumpur
(Licence No: 070)

Closing date: December 31, 1989.

Please be advised that only shortlisted candidates would be notified.

**Executive
Resourcing**

**Coopers
& Lybrand**